

D124

U B907 DEB
SARAWAK - MAHATHIR

MATU (SARAWAK), 14 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENGINGATKAN RAKYAT AGAR TERUS MENGEKALKAN SEMANGAT KEKELUARGAAN BESAR SEPERTI YANG TERCATAT DALAM KONSEP BARISAN NASIONAL.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA KONSEP BARISAN NASIONAL MEMBAWA PERKONGSIAN KUASA SECARA ADIL UNTUK SEMUA KAUM TANPA MEMIKIRKAN KEPENTINGAN SATU-SATU KAUM SAJA.

+KITA TIDAK BOLEH FIKIRKAN TENTANG KEPENTINGAN SATU KAUM SAHAJA KERANA IA AKAN MEMBANGKITKAN PERASAAN TIDAK PUAS HATI KAUM-KAUM LAIN,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM SATU PERHIMPUNAN RAKYAT DI SINI.

YANG HADIR SAMA PADA MAJLIS ITU IALAH PRESIDEN MCA, DATUK DR LING LIONG SIK, PRESIDEN MIC, DATUK S.SAMY VELLU DAN PRESIDEN GERAKAN, DATUK DR LIM KHENG YAIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PENERUSI BN, BERKATA DI SEMENANJUNG MALAYSIA, SEKALIPUN MASYARAKAT MELAYU MERUPAKAN 52 PERATUS DARIPADA KESELURUHAN PENDUDUKNYA, NAMUN BEGITU MEREKA SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN KAUM-KAUM LAIN.

BEGITU JUGA DI SARAWAK, KAUM TERBESAR DI NEGERI INI PERLU MENGADAKAN KERJASAMA DENGAN KAUM-KAUM LAIN, KATANYA. -- LAGI
1259MST 14 04 87

D125

U B908 DEB
SARAWAK - MAHATHIR 2 MATU

BELIAU BERKATA DI NEGARA LAIN YANG MEMPUYAI RAKYAT PELBAGAI KAUM BANYAK BERLAKU PERSELISIHAN KAUM, PERANG DAN BUNUH-MEMBUNUH SESAMA MEREKA KERANA TIDAK ADA KERJASAMA DAN PERSEFAHMAN.

+KITA BERSYUKUR DI SARAWAK, HAL DEMIKIAN TIDAK BERLAKU KERANA SEJAK MERDEKA RAKYAT MENGAMALKAN KONSEP KERJASAMA INI MELALUI KONSEP PERIKATAN YANG KEMUDIAN DISUSULI OLEH BARISAN NASIONAL,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERU RAKYAT AGAR MEMBERI SOKONGAN KEPADA CALON-CALON BARISAN NASIONAL DALAM PILIHAN RAYA YANG DIADAKAN ESOK DAN LUSA UNTUK MENERUSKAN PENTADBIRAN YANG ADA SEKARANG.

+SEKIRANYA KERAJAAN ITU DITENTANG SEPARUH JALAN, MAKA SUDAH TENTU BANYAK RANCANGAN PEMBANGUNAN TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN SEPENUHNYA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PERTUKARAN PUCUK PIMPINAN DALAM BN JIKA PERLU HENDAKLAH DILAKUKAN SECARA TERATUR DAN DENGAN PERUNDINGAN SUPAYA IA TIDAK MENJEJASKAN PENTADBIRAN DAN MEMERLUKAN PILIHAN RAYA.

-- LAGI
1301MST 14 04 87

D129

U B910 DEB
SARAWAK - MAHATHIR 3 MATU

SEBELUM ITU DALAM UCAPANNYA, KETUA MENTERI, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, MELAHIRKAN RASA KESALNYA TERHADAP TINDAK-TANDUK PEMBANGKANG DALAM KEMPEN PILIHAN RAYA MENJELANG PENGUNDIAN ESOK DAN LUSA.

KATANYA, PELBAGAI TOHMAH DAN PROPAGANDA KOSONG TELAH DILEMPARKAN TERHADAP PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL SEMATA-MATA UNTUK MENDAPATKAN UNDI.

DATUK PATINGGI TAIB BERKATA BAHAWA PARTI PEMBANGKANG JUGA MENDAKWA KEDATANGAN DATUK SERI DR MAHATHIR KE SARAWAK IALAH SEMATA-MATA UNTUK MEMBOLEHKAN PERDANA MENTERI MENGGANTIKAN KETUA MENTERI YANG ADA SEKARANG DENGAN SEORANG KETUA MENTERI LAMA YANG KONONNYA BOLEH MENINGKATKAN SYIAR ISLAM DAN KEMAJUAN NEGERI INI DENGAN LEBIH BAIK.

+PROPAGANDA DAN DAKWAAN-DAKWAAN KOSONG SERTA TUDUHAN LIAR ITU MERUPAKAN PERMAINAN POLITIK KOTOR YANG DIBAWA OLEH PARTI PEMBANGKANG DAN IA TIDAK SEHARUSNYA DIBERIKAN SOKONGAN,+ KATANYA.

MENGENAI PROJEK PEMBANGUNAN DI KAWASAN MATU, BELIAU BERKATA KERAJAAN NEGERI MENYEDIAKAN PERUNTUKAN BERJUMLAH HAMPIR \$35 JUTA UNTUK PELBAGAI PROJEK PEMBANGUNAN DALAM TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KELIMA BAGI KAWASAN TERSEBUT. -- BERNAMA
1311MST 14 04 87